

19/03/1999

Polis teliti tuduhan palsu

KUALA LUMPUR, Khamis - Polis kini meneliti secara menyeluruh berita atau sebaran berunsur fitnah yang disifatkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebagai mengancam keselamatan, kata Timbalan Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai.

"Kita (polis) meneliti sebaran yang dibuat dan kita mengambil perhatian di atas pemerhatian Perdana Menteri sendiri," katanya hari ini.

Norian, yang kini menjalankan tugas Ketua Polis Negara, berkata polis memandang serius tuduhan palsu berkenaan dan kini menyiasat punca berita palsu itu yang sejak kebelakangan ini semakin banyak dilemparkan terhadap kerajaan dan pemimpin Umno.

(END)